

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) apakah perancangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui Akademi Pilihan Raya (APR) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bagi memastikan aktiviti-aktiviti pendidikan politik kepada pengundi dapat dilaksanakan kepada setiap lapisan masyarakat terutamanya pengundi muda; dan
- (b) apakah silibus atau aktiviti pendidikan politik yang bakal dilaksanakan.

**JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, perbincangan di antara Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diadakan pada **8 Ogos 2019** di mana KPM telah bersetuju agar SPR melalui Akademi Pilihan Raya (APR) menjalankan Program Pendidikan Sivik di semua sekolah menengah dan meneruskan Program Pendidikan Pengundi sedia

ada. Berhubung dengan perkara ini, SPR bersama KPM telah merancang untuk menganjurkan "**Program Pendidikan Sivik - Road To School**" yang melibatkan **2,436 buah sekolah menengah di Malaysia** pada tahun 2020. Program tersebut akan melibatkan para pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 6 yang dianggarkan seramai **545,000 orang**.

Sejak tahun 2017, SPR melalui APR telah giat menjalankan Program Pendidikan Pengundi yang melibatkan pelajar-pelajar Universiti Awam, Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Latihan Kementerian Kesihatan, Institut Pendidikan Guru dan Institusi Pendidikan MARA. Pada tahun 2019, ia telah diperluaskan ke Kolej Matrikulasi, Institut Latihan Kementerian Sumber Manusia, Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara. APR juga telah menjalankan kerjasama strategik bersama **Kelab Malaysiaku di bawah Jabatan Penerangan Malaysia** dan **Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) bagi menganjurkan Program Pendidikan Sivik** di kalangan pelajar sekolah menengah.

Bagi memastikan penyampaian pendidikan pengundi dan pendidikan sivik dapat diperluas kepada segenap lapisan masyarakat terutamanya belia, APR turut **bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** bagi menjalankan program pendidikan pengundi kepada golongan belia yang tidak berada di dalam institusi pendidikan.

Sehingga 31 Ogos 2019, SPR dengan kerjasama semua kementerian/jabatan/agensi yang terlibat telah mengadakan sebanyak **210 program** dengan bilangan peserta seramai **70,201 orang**. APR akan meneruskan program-program pendidikan pengundi ini pada masa akan datang.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan berkaitan politik **telah dan sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah KPM sama ada secara langsung atau secara tidak langsung** melalui kurikulum dan aktiviti kokurikulum. KPM telah mengorak langkah awal dalam memastikan murid menerima pendedahan dan pendidikan mengenai asas politik dan Perlembagaan sejak di

peringkat sekolah rendah dan menengah melalui pelaksanaan mata pelajaran Sejarah dan juga Pendidikan Moral.

Manakala di **peringkat pengajian tinggi** pengetahuan berkenaan Perlembagaan, pentadbiran dan budaya politik negara diterapkan di dalam **Kursus Hubungan Etnik dan Pengajian Malaysia** yang ditawarkan di dalam mata pelajaran Pendidikan Umum (MPU) yang wajib diambil oleh semua pelajar warganegara Malaysia di institusi pendidikan tinggi. Antara komponen di dalam kursus tersebut adalah demografi etnik dan politik, perkembangan politik, kemuafakatan politik, budaya politik baharu dan dinamika politik.

Pelaksanaan kegiatan kokurikulum berunsurkan pendidikan politik ini tidak terhad kepada usaha KPM semata-mata tetapi juga melibatkan kerjasama dengan jabatan/agensi Kerajaan yang lain. Sebagai contoh, **KPM dengan kerjasama Jabatan Penerangan Malaysia** telah melaksanakan aktiviti patriotisme melalui Kelab Malaysiaku untuk melahirkan generasi muda yang mempunyai semangat patriotik memberi pendedahan kepada murid berkaitan sistem demokrasi berparlimen.

Selain itu, melalui **Kelab Rukun Negara di sekolah**, KPM turut **bekerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN)** untuk melaksanakan pelbagai aktiviti berteraskan kepada pengamalan Rukun Negara termasuk Prinsip Ketiga Rukun Negara iaitu Keluhuran Perlembagaan.

Sekian, terima kasih.